NO. SOALAN: 419

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan pegawai penguatkuasa mengikut negeri-negeri, untuk memastikan syarikat yang sudah memperolehi penarafan halal mengikut peraturan yang sudah ditetapkan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengenai kawalan pensijilan, logo dan tanda halal adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 yang penguatkuasaannya adalah terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Bagi memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap pensijilan halal, KPDNKK turut melantik pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Islam Negeri (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan iaitu seramai **204 orang**.

Pecahan bilangan pegawai penguatkuasa JAKIM dan JAIN yang dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 adalah seperti berikut:-

Bil	Pejabat/Negeri	Bilangan Pegawai
1	JAKIM	44
2	Perak	27
3	Melaka	6
4	Pulau Pinang	5
5	Wilayah Persekutuan	6
6	Perlis	5
7	Terengganu	6
8	Negeri Sembilan	10
9	Pahang	8
10	Johor	7
11	Sabah	14
12	Kelantan	17
13	Sarawak	17
14	Kedah	17
15	Selangor	15
	Jumlah	**204**

Walau bagaimanapun, tugas-tugas penguatkuasaan halal tidak terhad kepada pegawai-pegawai di JAKIM dan JAIN sahaja tetapi juga melibatkan operasi bersama dengan agensi-agensi lain seperti KPDNKK, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.